

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 3**  
**RUANGAN : NASIONAL**

BH M/S 3 NASIONAL 20/1/2025 (ISNIN)

# CUEPACS gesa selesai segera polemik Waktu Bekerja Berlainan

Rundingan profesional perlu dibuat elak khidmat kesihatan terjejas

Oleh Mahani Ishak  
mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** CUEPACS menggesa polemik berkaitan Waktu Bekerja Berlainan (WBB) membatikan profesion pegawai perubatan diselesaikan segera di meja rundingan secara profesional dan bukan menerusi media sosial agar perkhidmatan kesihatan kepada rakyat tidak terjejas.

Pada masa sama, Presiden CUEPACS, Datuk Dr Adnan Mat, menuntut Kementerian Kesihatan (KKM) berunding dengan pihak persatuan dan kesatuan sah seperti Persatuan Perubatan



Keratan akhbar BH, kelmarin.

Malaysia (MMA) yang mewakili profesi pegawai perubatan bagi mendapatkan penyelesaian terbaik di antara kedua pihak.

"Semua pihak harus memberi peluang dan ruang kepada Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan kepemimpinan tertinggi KKM untuk menyelesaikan isu yang dibangkitkan agar situasi menang-menang dapat dicapai."

"Pada 6 Januari lalu, CUEPACS sendiri mengadakan sesi libat urus dengan Menteri Kesihatan, bagi menyuarakan pandangan mewakili pekerja di lapangan."

"Semua pihak perlu memberi peluang kepada Menteri menye-

lesaikan isu ini tanpa sebarang tekanan yang tidak perlu seperti ugutan dan sebagainya," kata

nya dalam kenyataan, semalam.

Jumaat lalu, Dr Dzulkefly dilaporkan berkata, pelaksanaan sistem WBB akan diputuskan KKM selepas memperoleh maklum balas mengenainya diperlukan dalam sesi permukiman pimpinan tertinggi kementerian itu yang berlangsung tiga hari bermula Jumaat hingga semalam.

Beliau berkata, satu sesi libat

urus dianjurkan Jumaat lalu membabitkan lebih 1,000 pegawai dan pakar perubatan secara fizikal dan dalam talian, yang dapatannya dibawa ke permukaan berkenaan untuk diputuskan kelak.

Katanya, WBB adalah cadangan perubahan aturan jadual kerja yang dibina petugas KKM sendiri berdasarkan libat urus yang dibuat sejak 22 Januari 2024 di beberapa jabatan di fasiliti kesihatan terpilih, memba-

bitkan pegawai dan pakar perubatan secara bersasar.

#### Beri kerjasama penuh

Adnan berkata, CUEPACS memandang serius polemik berkaitan sistem WBB yang membabitkan pengurusan tertinggi KKM dan petugas kesihatan, termasuk pegawai perubatan, termasuk mereka yang berkhidmat di hospital kerajaan.

"Di samping itu, CUEPACS menasihatkan semua petugas kesihatan memberi kerjasama penuh kepada KKM agar tidak membuat sebarang kenyataan bersifat provokasi bagi menggugat keharmonian hubungan pekerja dengan majikan."

"CUEPACS percaya polemik yang berlaku ketika ini akan dapat ditangani dengan situasi menang-menang kepada semua pihak."

"Kakitangan diharap dapat bertugas dengan semangat profesional yang tinggi demi kesejahteraan rakyat dan negara," katanya.

**• Semua pihak harus memberi peluang dan ruang kepada Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan kepemimpinan tertinggi KKM untuk menyelesaikan isu yang dibangkitkan agar situasi menang-menang dapat dicapai .**

**Adnan Mat,  
Presiden CUEPACS**



**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 3**  
**RUANGAN : NASIONAL**

BH M/S 3 NASIONAL 20/1/2025 (ISNIN)

# Dasar kerja baharu perlu ambil kira maklum balas petugas perubatan

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) perlu mempertimbangkan maklum balas kakitangan perubatan sebelum merangka dasar berkaitan aturan jadual kerja baharu membatikan petugas penjagaan kesihatan awam.

Pertubuhan Tweet Perubatan Malaysia (MedTweetMY) dalam kenyataannya, berkata ini bagi memastikan sebarang dasar baharu tidak hanya memenuhi keperluan perkhidmatan, sebaliknya menjamin kesejahteraan petugas dan memperbaiki sistem kesihatan negara secara menyeluruh.

Justeru, katanya, jawatankuasa bebas wajar ditubuhkan untuk mengkaji aturan jadual kerja baharu yang lebih sesuai dan adil, berbanding Waktu Bekerja Berlainan (WBB).

"Tugas utama jawatankuasa ini adalah menjalankan tinjauan lapangan secara menyeluruh serta mengadakan sesi dialog

dengan doktor untuk memahami keperluan dan cabaran sebenar dihadapi golongan berkenaan.

"MedTweetMY percaya mendengar suara doktor perubatan di lapangan adalah kunci kepada pembentukan dasar aturan jadual kerja yang tuntas.

"Berdasarkan majoriti, jawatankuasa ini boleh merangka aturan jadual kerja praktikal dan mendapat sokongan doktor. Dasar dirangka dengan pendekatan inklusif akan memastikan pelaksanaan lebih lancar," katanya semalam.

BH Khamis lalu, melaporkan Hartal Doktor Kontrak menuntut KKM menarik balik pekeliling cadangan pelaksanaan sistem WBB secara serta-merta bagi mengelak kemerosotan moral dan kebijakan petugas kesihatan.

Itu adalah reaksi kepada cadangan diketengahkan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulekfly Ahmad yang menegaskan

sistem syif baharu untuk pekerja penjagaan kesihatan awam negara itu masih pada peringkat cadangan dan belum mendapat kelulusan untuk dilaksanakan.

Ahli Parlimen Kuala Selangor itu dilaporkan berkata, sebarang penambahbaikan perkhidmatan termasuk dari segi kebijakan petugas adalah usaha yang berterusan.

Sebelum ini, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menyuarakan keimbangan pelaksanaan WBB akan memburukkan lagi kekurangan tenaga kerja sedia ada, menyebabkan doktor dibebani tugas berlebihan dan

menjejaskan kualiti penjagaan pesakit.

Sistem perintis itu dikatakan boleh menyebabkan kerugian pendapatan bagi pegawai perubatan dan pakar.

Di bawah sistem baharu ini, eluan *on-call* pada hari bekerja, tidak akan diberikan, manakala syif malam akan dianggap sebagai waktu kerja biasa dalam tempoh 45 jam seminggu.

Sementara itu, MedTweetMY menegaskan pendirian tidak menyokong cadangan pelaksanaan WBB seperti dikemukakan 'Medical Advisory and Action Committee' (MAAC).

MedTweetMy berpandangan WBB tidak menangani isu dasar yang membenggu doktor perubatan di KKM, iaitu kekurangan tenaga kerja.

"Pelaksanaan WBB juga dilihat tidak adil kepada doktor kerana mereka bekerja lebih masa tanpa menerima eluan sewajarnya.

"Tanpa penyelesaian masalah struktur ini, WBB berpotensi meningkatkan beban kerja kakitangan sedia ada, sekali gus menjelaskan keberkesanan perkhidmatan kesihatan serta kesejahteraan mental dan fizikal doktor," katanya.



*Waktu Bekerja Berlainan dikhawatir meningkatkan beban kerja kakitangan kesihatan, sekali gus menjelaskan perkhidmatan.*

(Foto hiasan)

**AKHBAR : BERITA HARIAN****MUKA SURAT : 18****RUANGAN : NASIONAL**

RH m/s 18 NASIONAL 20/1/2025 (ISNIN)

# E.coli pada kerang terdampar di Pantai Sura melebihi piawaian

**Kuala Terengganu:** Hasil analisis terhadap sampel kerang yang terdampar di Pantai Sura di Dungun menunjukkan tahap bakteria Fecal coliform dan Escherichia coli (E. coli) melebihi piawaian yang ditetapkan.

Pengarah Jabatan Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat, berkata berdasarkan analisis Makmal Biosekuriti Perikanan Kuantan, Pahang, sampel kerang yang diambil pada Rabu lepas mengandungi Fecal coliform melebihi 300 MPN/100gram (g) dan E.coli melebihi 230 MPN/100g.

“Kesimpulannya, keputusan analisis makmal terhadap kerang hanyut ke daratan pada tahun 2014, 2016, 2019, 2021 dan terkini (2025) menunjukkan tahap bakteria berkenaan dalam sampel kerang melebihi piawaian yang ditetapkan.

“Kerang dalam kategori ini diklasifikasikan sebagai Kelas B dan C, di bawah piawaian Program Sanitasi Kerang-Kerangan Kebangsaan (NSSP), yang perlu dimasak sempurna sebelum dimakan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Sehubungan itu, Ruzaidi me-

nasihati orang ramai supaya memastikan kerang yang dikutip, dimasak sepenuhnya sebelum dimakan bagi mengurangkan risiko pencemaran bakteria.

Beliau berkata, pengambilan kerang mentah harus dielakkan terutama bagi individu dengan sistem imun yang lemah.

Selain itu, Ruzaidi juga menyarankan orang ramai supaya sentiasa mempraktikkan langkah kebersihan semasa memproses makanan laut bagi memastikan keselamatan makanan terjamin.

“Langkah berjaga-jaga ini penting untuk memastikan keselamatan makanan terjamin dan melindungi kesihatan pengguna. Jabatan Perikanan Terengganu akan terus menjalankan pemantauan berkala terhadap keselamatan makanan laut dan menyediakan maklumat terkini kepada orang ramai,” katanya.

Sebelum ini Ruzaidi turut mengeluarkan kenyataan memaklumkan tiada kehadiran plankton yang menghasilkan biotoksin dikesan dalam sampel air di Pantai Sura, yang diambil pada hari sama.

BERNAMA